

30 MAR 2005

Mahathir-UMS

TIDAK RAMAI MINAT KETAHUI HASIL PENYELIDIKAN UMS, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 30 Mac (Bernama) -- Walaupun Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Marin Borneonya berjaya melakukan pelbagai penyelidikan mengenai hidupan laut di Sabah, namun tidak ramai yang berminat untuk mengetahui hasil penyelidikan itu.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan itu menyebabkan penyelidikan yang dijalankan di sini tidak dimanfaatkan.

"Hasil kajian ini mestilah diguna oleh penduduk di Sabah tetapi kita dapati walaupun dapat hasil, tidak ramai yang berminat untuk mengetahui hasil penyelidikan yang dibuat," katanya selepas melawat pusat penetasan baka ikan di pusat itu hari ini.

Dr Mahathir berkata sejak 10 tahun penubuhannya, UMS telah menampakkan kemajuan dalam beberapa bidang, termasuk akuakultur.

Antara program yang berjaya dilakukan oleh UMS ialah pembiakan dan pengkulturan ikan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi seperti kerapu tikus, siakap, kerapu harimau, merah dan patin.

Beliau juga berkata projek akuakultur di negara ini perlu lebih kompetitif dan antara caranya ialah mengeluarkan bahan makanan ikan sendiri bagi mengurangkan kos import bahan itu.

Semasa lawatan itu Dr Mahathir yang ditemani isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, berpeluang melihat demonstrasi memotong gigi-gigi seekor ikan betina yang tajam bagi mengelakkannya daripada mencederakan ikan-ikan jantan semasa mengawan yang dilakukan oleh para pelajar institut berkenaan.

Menurut para pelajar terbabit, ikan betina lazimnya akan menggigit ikan-ikan jantan semasa mengawan.

Dr Mahathir juga sempat menyaksikan kerakusan ikan-ikan kerapu gergasi sebesar tong gas memasak yang dibela dalam sebuah tangki khas sebagai induk, menyambar ikan-ikan yang diberi makan.

-- BERNAMA

MK LAT